

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Khamis, 27 April 2017 10:06 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Mohd Fairus Bin Abd Majid
Subject: INASIS BSN ONLINE: KARNIVAL 'BIG YAY BSN DAY 2.0' DI INASIS BSN.



27 APRIL 2017, KHAMIS | 30 REJAB 1438H



Oleh: Suhaya Nasiruddin

INASIS BSN ONLINE: Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JKPS) Inapan Siswa (INASIS) BSN Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan Karnival *Big Yay BSN Day 2.0*.

Program yang dirancang dengan pelbagai aktiviti serta persembahan ini diadakan selama 4 hari bermula pada 12 April 2017 (Rabu) sehingga 15 April 2017 (Sabtu) di Perkarangan INASIS BSN.

Menurut Pengarah Karnival *Big Yay BSN Day 2.0*, Islianawati Muhammad Khairudin program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada para pelajar yang berminat untuk berniaga di samping dapat mengasah kemahiran dalam bidang keusahawanan.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar untuk terlibat dan menimba pengalaman dalam aktiviti pengurusan acara seperti ini.

Program ini turut dimeriahkan lagi oleh peniaga-peniaga luar yang turut serta membuka gerai jualan seperti gerai makanan, minuman, pakaian dan pelbagai lagi.

Pelbagai aktiviti dan pertandingan menarik yang telah disediakan sepanjang karnival ini berlangsung. Antaranya ialah Qasidah, Dodge Ball, Henna Challenge, Blood Donation, Forum Wanita, BSN Idols, Borneo Performance Show dan banyak lagi. Semua aktiviti mendapat sambutan dan penyertaan daripada pelajar-pelajar UUM sendiri daripada pelbagai INASIS.

Majlis penutup karnival telah disempurnakan oleh Pengerusi Majlis Pengetua INASIS UUM, Dr. Muhammad Muhaizam Hj Musa. Turut hadir adalah barisan Pengetua INASIS, Penolong-penolong Pengetua INASIS BSN, Ketua Kampung Changhai serta Presiden JKPS setiap INASIS.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

